

Tepuk, pukau

Gadis dakwa dirogol penjaja minuman di Puduraya

H.M 5/12/08 M/S 12

>>Oleh Abdullah Wahab
dan Sarah Zulkifli
am@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Seorang gadis tidak menyangka tepukan dua kali di ubun kepalanya oleh seorang peniaga minuman berhampiran Hentian Puduraya di sini, menjadi detik hitam dalam hidupnya apabila mendakwa dipukau sebelum dirogol lelaki terbabit.

Dalam kejadian kira-kira jam 10.30 malam Sabtu lalu, mangsa mendakwa baru pulang dari Langkawi kerana urusan kerja dan singgah di gerai milik lelaki terbabit di luar hentian berkenaan untuk membeli minuman sebelum dipukau.

Mangsa yang hanya mau dikenali sebagai Leya, 22, berkata sebelum kejadian dia membeli air jagung bersama seorang rakananya sejurus tiba dari Langkawi.

"Kerana baru tiba dan keletihan, saya duduk di bangku tidak jauh dari tempat lelaki itu berniaga.

"Beberapa minit kemudian, lelaki itu menghampiri dan mendakwa ada sesuatu atas kepala saya sebelum menepuk dua kali sambil membaca sesuatu," katanya kepada Harian Metro di sini, semalam.

Berikutan tepukan 'sihir' itu, mangsa yang berasal dari Bandar Baru Sri Petaling, dekat sini, mendakwa dia tiba-tiba menjadi kebingungan dan mengikutinya segala perintah penjual minuman berusia lingkungan 20-an terbabit.

Katanya, dalam keadaan separuh sedar dia mendakwa mengikuti lelaki itu ke Jalan Petaling untuk 'bersiar-siar' beberapa jam dengan transit aliran ringan (LRT) dan kemudian ke rumah sewa peniaga terbabit di kondominium di Bandar Sri Permaisuri, Cheras, dekat sini, kira-kira jam 2 pagi.

Leya berkata, dia kemudian dikurung berseorangan dalam bilik rumah sewa itu manakala lelaki terbabit keluar dipercayai ke tempat kerjanya.

"Sepanjang dikurung, saya tidak dapat melepaskan

mata dan kira-kira jam 1.30 pagi keesokannya dia muncul dan terus mengajak saya melakukan seks.

"Walaupun menolak, dia terus paksa malah mengugut tidak akan membebaskan saya selagi tuntutan nafsunya tidak dipenuhi," katanya.

Leya akhirnya terpaksa mengaku kalah selepas lelaki terbabit bertindak kasar dan hanya mampu mengalirkan air mata membiarkan dirinya diratah lelaki bernaifsu binatang itu.

"Dua kali dia melakukan perbuatan terkutuk itu, kali pertama dilakukan kira-kira jam 2 pagi diikuti kali kedua sejam selepas itu.

"Sebaik melepasi hawa nafsunya, dia membawa saya turun dari tingkat 14 kondominium terbabit sebelum saya menahan sebuah teksi untuk pulang," katanya.

Leya berkata, sepanjang berada dalam teksi, fikirannya bercelaru memikirkan nasibnya diperlakukan sedemikian rupa sebelum nekad membuat

laporan di Balai Polis Saklak Selatan, kira-kira jam 4 pagi.

Sejurus laporan dibuat, dia dibawa polis ke Hospital Kuala Lumpur (HKL) untuk pemeriksaan.

"Lelaki itu berkulit sawo matang, berkaca mata dan mempunyai ketinggian kira-kira 170 sentimeter. Saya akan ingat dia sampai bila-bila.

"Kejadian ini hanya diketahui beberapa rakan saja dan saya merahsiakannya daripada keluarga," katanya mendakwa turut menghantar surat peletakan jawatan kepada majikannya semalam.

Sementara itu, sumber polis berkata, pihaknya sedang mengesan suspek bagi membantu siasatan berhubung kejadian itu dan yakin lelaki itu dapat ditahan dalam tempoh terdekat.

"Polis juga meminta orang awam yang mempunyai maklumat supaya menghubungi Rakan Cop di talian 03-21159999 bagi membantu siasatan," katanya.